

# 15 murid SK Sinaron Tengah teruja lawat UMSKAL

UB 17.5.2016 A7

LABUA: Seramai 15 murid Tahun Enam Sekolah Kebangsaan Sinaron Tengah, Sook, Keningau begitu teruja mengunjungi Universiti Malaysia Sabah, Kampus Antarabangsa Labuan (UMSKAL), Isnin lalu.

Rombongan yang disertai lapan guru itu diketuai Guru Besar SK Sinaron Tengah, Mohd Yusri Abdullah.

Katanya, tujuan lawatan sambil belajar itu adalah untuk memberi pendedahan kepada murid tersebut yang akan menduduki UPSR pada September depan.

Beliau yakin walaupun murid tersebut pertama kali mengunjungi Wilayah Persekutuan Labuan, mereka juga mampu memperolehi keputusan yang cemerlang dalam peperiksaan itu kelak.

"Kami mahu memberikan mereka semangat dan motivasi untuk belajar bersungguh-sungguh bagi mencapai matlamat memasuki IPTA khususnya UMS," katanya.

Selain UMSKAL, rombongan SK Sinaron turut melawat SK Pantai dan beberapa lokasi menarik di pulau-bebas cukai ini.

Program Desa Cemerlang dan Berinovasi itu dianjurkan Yayasan Sabah Zon Pedalaman Utara – Keningau dengan kerjasama PDCB Kampung Sinaron dan SK Sinaron Tengah, Sook, Keningau.

Delegasi sekolah itu disambut oleh Penolong Pendaftar Bahagian Pentadbiran, Dg Norsiah Ag Seman yang mewakili Timbalan Pendaftar Kanan, Zamri Mohamad Tuah.



**MURID-MURID dan guru SK Sinaron Tengah bergambar kenangan di UMS Labuan, kelmarin.**